



Malaysia berhasrat jadi pembangun, pengeksport teknologi blockchain

Oktober 12, 2021 @ 4:23pm



MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Oleh Hazwan Faisal Mohamad

hazwanfaisal@mediaprima.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia berhasrat untuk menjadi pembangun dan pengeksport teknologi rantai blok (blockchain) global yang mana mampu mewujudkan banyak peluang pekerjaan bernilai tinggi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pengadaptasian blockchain di Malaysia juga adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara (4IR) dan MyDigital.

Katanya, justeru itu beliau amat teruja dengan pembangunan dan pelaksanaan teknologi blockchain bagi membantu dan meningkatkan perdagangan di antara Malaysia dan China.

"Usahasama di antara MYEG Services Bhd dengan Institut Internet Perindustrian & IoT, Akademi Teknologi Maklumat dan Komunikasi China (CAICT) dalam membina 'supernodes' berlandaskan blockchain di luar negara China, akan mempromosikan inovasi penciptaan teknologi, mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi serta mempertingkatkan perdagangan merentasi sempadan.

"Ini adalah langkah besar Malaysia ke arah masa depan digital yang selaras dengan agenda RMK-12 untuk mendigitalisasikan ekonomi Malaysia," katanya ketika berucap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara MYEG dan CAICT di sini, hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Eksekutif MYEG, Datuk Dr Norraesah Mohamad dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Wong Thean Soon. MoU itu antara lain untuk pelanjutan antarabangsa bagi rangkaian blockchain kebangsaan China, Xinghuo, Kemudahan dan Infrastruktur Blok Rantai (BIF) dengan memperkenalkan tulang belakang dan 'supernodes' di luar negara China yang dikenali sebagai Zetrix.

Ia membolehkan negara-negara serta syarikat-syarikat terutamanya yang berada di dalam Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) menggunakan Zetrix sebagai pintu masuk untuk rangkaian negara China, 'Xinghuo BIF' bagi memaksimumkan potensi perjanjian dagangan bebas dengan memanfaatkan teknologi blockchain.

Aplikasi projek perintis dalam blockchain akan memperkasakan pengesanan perdagangan, identiti digital, pengurusan rantai bekalan, kebijaksanaan kewangan dan perdagangan digital akan membolehkan gelombang inovasi dan pembangunan bakat yang baru untuk masa depan tanpa sempadan.

RCEP adalah perjanjian dagangan bebas terbesar di dunia yang merangkumi

30 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan 30 peratus populasi dunia, dengan perdagangan serantau dalam kalangan negara ahli bernilai kira-kira AS\$2.5 trilion setiap tahun.

Mengulas lanjut Adham berkata, sebagai sebahagian usaha ke arah mencapai ekonomi digital, beliau menggesa semua pemain industri untuk mengikuti jejak langkah MYEG dalam meneroka dan mengadaptasi blockchain dalam perniagaan mereka.

"Teknologi ini berupaya menangani cabaran dan mengoptimumkan peluang di era digital ini untuk pembangunan ekonomi, sosial dan persekitaran," katanya.